

# YADIM Negeri Sabah perkukuh kerjasama strategik di Kolej Vokasional

NST 18.02.20 4

TAWAU: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Negeri Sabah akan memperkuatkan kerjasama strategik dengan Kolej-kolej Vokasional untuk membantu melahirkan graduan Vokasional yang bertakwa dan berupaya menjadi Daie profesional.


Pengarah YADIM Sabah Haji Samin Haji Ongki berkata, pihaknya telah mengenal pasti beberapa aktiviti yang boleh dianjur secara kolaborasi antara YADIM dan Kolej Vokasional.

Beliau menegaskan demikian semasa berucap dalam program Kembara Rahmah Kolej Vokasional Tawau di Dewan Tun Ahmad Shah KV Tawau pada Ahad.

Lebih 300 pensyarah, kakitangan bukan akademik, ibu bapa dan pelajar kolej menyertai program yang julung2 kali diadakan YADIM di kolej berkenaan.

Pensyarah Kanan UMS, Dr Issraq Hj Ramli turut menyampaikan perkongsian bertajuk Keluarga Bahagia: Satu Tuntutan bukan pilihan.

Turut hadir Pengarah KV Tawau, Ahmad Fakrolrazi Haji Hamzah.



PENGHARGAAN .... Samin (tengah) menerima cendera kenangan dari Ahmad Fakrolrazi sambil diperhatikan oleh yang lain.



KERJASAMA ... Samin, Ahmad dan Dr Issraq bersama yang lain merakamkan kenangan selepas majlis itu.